

20 SEP 2003

Taib-BN

KONGSI KUASA BANYAK MANFAAT SABAH DAN SARAWAK

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Konsep perkongsian kuasa yang diamalkan Barisan Nasional (BN) telah banyak memberi manfaat kepada rakyat Sabah dan Sarawak, kata Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Abdul Taib, yang juga Ketua Menteri Sarawak, berkata konsep yang diilhamkan oleh Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj terbukti membawa kejayaan cemerlang kepada Malaysia.

"Sikap Almarhum Tunku yang tidak hanya mementingkan kuasa untuk satu kaum sahaja merupakan sebab utama yang menarik hati orang di Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia di bawah Perikatan yang sekarang ini BN," katanya ketika berucap pada perayaan ulang tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Menyingkap sejarah kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia, Abdul Taib berkata formula kongsi kuasa yang diamalkan oleh Perikatan ketika itu merupakan jawapan utama yang diberikan oleh penduduk di kedua-dua negeri itu kepada anggota Suruhanjaya Cobbold yang ditugaskan untuk membuat pungutan suara oleh kerajaan British bagi menentukan sama ada mereka mahu menyertai Malaysia.

"Kini kami telah menikmati manfaat dan kemajuan di kedua-dua negeri hasil formula kongsi kuasa yang unik ini," kata Abdul Taib yang berucap mewakili parti-parti komponen BN Sabah dan Sarawak.

Abdul Taib juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangan besar beliau kepada negara.

Katanya penduduk Sabah dan Sarawak akan merindui Dr Mahathir yang akan bersara akhir bulan depan.

Namun mereka mengalu-alukan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, katanya.

"Kami di Sabah dan Sarawak menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah dan yakin beliau akan meneruskan kesinambungan formula kongsi kuasa yang diamalkan sekarang untuk kemajuan dan kemakmuran negara," kata Abdul Taib.

-- BERNAMA  
RBZ AZZ LAT